



LAMPIRAN A

## BORANG PENCALONAN

### ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE 2012 (MyGOSS 2012)

1. Nama Organisasi:  

INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA
--------------------------------
2. Nama Projek/Sistem/Inisiatif OSS Yang Dicalonkan:  

CABARAN SIHAT - JOM BERJALAN MALAYSIA
---------------------------------------
3. Tarikh (bulan & tahun) projek/system/inisiatif yang dicalonkan mula beroperasi:  

JANUARI 2012
--------------
4. Maklumat pegawai yang membuat pencalonan:

Nama:	MUHAMAD AZIZUL HAKIM BIN MUSA
Jawatan:	KETUA CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
Agensi:	INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA
Alamat:	KOMPLEKS SUKAN NEGARA, BUKIT JALIL, 57000 KUALA LUMPUR
Telefon:	03-89929803
Faks:	03-89961341
E-mel:	azizul@isn.gov.my
5. Pegawai yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut:

Nama:	YASSER MOHAMED ARIFIN
Jawatan:	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
Telefon:	03-89929107
Faks:	03-89961341
E-mel:	Yasser@isn.gov.my

1. Nama Projek/Sistem/Inisiatif

CABARAN SIHAT - JOM BERJALAN MALAYSIA

2. Profil Kementerian / Jabatan / Institusi (maksimum 200 patah perkataan)

Institut Sukan Negara Malaysia merupakan sebuah agensi kerajaan dibawah Kementerian Belia dan Sukan yang telah ditubuhkan semenjak 1996 untuk memastikan kecemerlangan sukan negara melalui kaedah saintifik dan sistematik dengan menggunakan pendekatan sains sukan, sains perubatan dan juga teknologi sukan.

ISN bertanggungjawab mengumpul, mengurus dan merumus rekod saintifik dan penyelidikan berkaitan prestasi dan pencapaian atlet negara serta mengesyor kaedah pembangunan yang bersesuaian bagi kecemerlangan atlet dan sukan negara.

ISN diperlukan sebagai pusat rujukan serantau bagi kajian saintifik dan inovasi dalam penyelidikan dan pembangunan sains sukan, perubatan sukan dan teknologi sukan di Malaysia.

ISN diperlukan untuk menghasilkan kajian saintifik berkaitan sains sukan, perubatan sukan dan teknologi sukan yang berdaya saing dan berpotensi serta berimpak tinggi untuk dikomersilkan bagi penjana sumber kewangan.

3. Sinopsis Projek/Sistem/Inisiatif (maksimum 150 patah perkataan)

Bagi projek/sistem/inisiatif:

# Ringkasan / Keterangan

# Faedah kepada orang awam / Kerajaan

# Kelebihan / keistimewaan projek/sistem/inisiatif

# Mengapa projek/sistem/inisiatif layak memenangi Anugerah MYGOSS

ISN telah membuat kajian kes keperluan pembangunan sistem aplikasi bagi mengenalpasti keperluan sistem dalam mewujudkan satu kajian komuniti dan kemasyarakatan bagi mengenalpasti kecerdasan umum dengan mempromosi gaya hidup sihat menerusi aktiviti riadah berjalan kaki.

Projek ini memberi faedah kepada umum dari segi mengenalpasti impak berjalan kaki kepada masyarakat umum melalui kajian yang dijalankan dari segi meningkatkan gaya hidup sihat dan peningkatan kesihatan dan kecerdasan umum melalui kaedah berjalan kaki tanpa melibatkan aktiviti fizikal berimpak tinggi

Projek ini merupakan inisiatif kajian kesejahteraan umum yang dijalankan oleh pihak ISN untuk membantu masyarakat dalam mengenalpasti keberkesanan dan kesan peningkatkan tahap kecerdasan dan kesihatan umum melalui kaedah berjalan kaki dari segi kardiovaskular dan pembakaran kalori yang dapat dihasilkan dengan hanya berjalan kaki tanpa melibatkan aktiviti fizikal yang serius dan memerlukan kemahiran fizikal yang khusus di samping kajian kecerdasan aktiviti sosial.

Projek ini layak memenangi Anugerah MyGOSS kerana ia dapat menyumbangkan

hasil kajian dan penggalakan kepada masyarakat untuk meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan umum melalui promosi gaya hidup sihat secara efektif melalui kaedah berjalan kaki tanpa melibatkan aktiviti berimpak tinggi serta bersesuaian dengan semua golongan masyarakat tanpa mengira peringkat had umur.

4. Teknologi yang digunakan (maksimum 150 patah perkataan)

Penggunaan development tools, pangkalan data, language, teknologi, platform, dan lain-lain

Dibangunkan sepenuhnya menggunakan teknologi dan framework OpenSource iaitu PHP, MySQL. Ia telah dibangunkan menggunakan development tool Eclipse dan PhpMyAdmin bagi membantu pembangunan perisian. Sistem ini juga telah dilaksanakan menggunakan platform Linux dan Apache WebServer bagi menyediakan platform pembangunan sistem.

5. Kelebihan / Keunikan (maksimum 350 patah perkataan)

# Faedah kepada orang awam / Kerajaan  
# Kelebihan projek/sistem/inisiatif berbanding projek/sistem/inisiatif lain  
# Kelainan konsep dan idea bagi projek/sistem/inisiatif  
# Peningkatan keberkesanan (termasuk mengurangkan birokrasi)  
# Perkongsian maklumat  
# Lain-lain

Projek ini merupakan hasil inisiatif dan kesedaran sosial tentang kepentingan berjalan kaki kepada masyarakat umum terutama dalam meningkatkan kesedaran sosial terhadap kepentingan kecerdasan dan kesihatan melalui penerapan gaya hidup sihat. Kesedaran kesejajaran masyarakat melalui penggalakan berjalan kaki adalah inisiatif ringkas yang patut diketengahkan oleh agensi-agensi dan badan-badan kerajaan yang berperanan dalam menganjurkan dan mempromosikan gaya hidup sihat supaya dapat menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti berjalan kaki bagi meningkatkan kecerdasan dan kesihatan individu.

Secara umumnya projek berjalan kaki ini mungkin tidak jauh beza dengan projek berjalan kaki lain seperti "Walk for Life" yang pernah dijalankan sebelum ini bagi menggalakan gaya hidup sihat. Namun sejauh mana kesedaran sosial terhadap kepentingan mengenalpasti impak berjalan kaki dari segi peningkatan kadar metabolisme dan kesihatan individu merupakan sesuatu yang baru dan masih banyak yang perlu dieksplorasi dari sudut kajian dan kesan saintifik aktiviti berjalan kaki.

ISN telah mengambil inisiatif dengan membuat kajian umum untuk mengenalpasti secara saintifik keberkesanan kaedah berjalan kaki dalam membantu meningkatkan kesihatan dan kadar metabolisme individu melalui aktiviti berisiko kecederaan rendah tetapi mempunyai impak yang tinggi. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan alat "pedometer" iaitu sejenis alat yang digunakan untuk mengukur jumlah langkah yang dihasilkan akibat daripada aktiviti berjalan kaki serta merekod intensiti perjalanan tersebut disamping mengambil kira maklumat-maklumat tambahan seperti kadar denyutan nadi, tekanan darah, berat, tinggi, jantina dan juga umur individu. Maklumat-maklumat individu yang menyertai kajian projek ini direkodkan ke dalam sistem yang telah disediakan bagi tujuan pengumpulan data dan rekod aktiviti berjalan kaki seharian oleh peserta kajian. Disamping merekodkan jumlah langkah dan maklumat fizikal individu daripada aktiviti berjalan kaki, peserta kajian juga dimestikan untuk melaporkan aktiviti-aktiviti harian yang dilakukan sepanjang hari sebagaimana merekodkan diari

harian peribadi bagi tujuan mengenalpasti jenis aktiviti, jumlah masa yang diluankan dan bersama siapa aktiviti sihat tersebut dilakukan semasa kajian ini dijalankan. Rekod dan data yang dikumpul melalui sistem pelaporan ini akan dianalisa dan dipantau bagi mendapatkan keputusan berkenaan tahap kecerdasan dan kesihatan peserta sepanjang tempoh projek ini dan juga mengenalpasti sejauh mana keberkesanan program berjalan kaki dapat membantu meningkatkan kesihatan dan mempengaruhi gaya hidup sihat masyarakat.

Projek ini akan lebih berkesan sekiranya mendapat sokongan dan penglibatan serius individu yang menyertai projek kajian ini dari segi kejujuran dan kekerapan peserta melaporkan aktiviti yang dilaksanakan terutama kesedaran individu dalam mengenalpasti dan memantau tahap kecerdasan dan kesihatan sendiri dari semasa ke semasa.

Sistem yang dibangunkan dapat membantu dalam proses pemantauan dan analisa data yang direkodkan bagi tujuan mengenalpasti dan menghasilkan keputusan yang berupaya mengenalpasti tahap kesihatan dan kecerdasan masyarakat baik dari segi fizikal mahupun sosial melalui sistem pelaporan aktiviti dan kesihatan yang disediakan. Sistem ini bukan sahaja bertujuan merekod data peserta bahkan dapat meningkatkan motivasi peserta dalam meningkatkan usaha melaksanakan aktiviti berjalan kaki untuk tujuan kesihatan.

6. Inovasi (maksimum 350 patah perkataan)

- # Penggunaan teknologi atau metodologi secara inovatif
- # Keaslian atau penambahbaikan
- # Keaslian konsep atau pelaksanaan (reka bentuk / pembangunan dan/atau pemasaran)
- # Ciri-ciri / fungsi yang ketara
- # Teknik pembangunan, penyelidikan atau pemasaran yang kreatif
- # Teknologi enabling
- # Menggunakan pelbagai teknologu untuk menghasilkan inovasi dan penyelesaian yang berkesan

Sistem ini dibangunkan menggunakan teknologi web sepenuhnya dimana ianya dibangunkan berasaskan konsep portal. Portal ini yang dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan kerangka pengkalan data MySQL. Ianya dibangunkan sepenuhnya berasaskan konsep pembangunan sistem Software Development LifeCycle (SDLC) dimana kajian dan keperluan pengguna dilaksanakan terlebih dahulu sebelum pembangunan sistem dilaksanakan untuk pengujian dan implementasi. Walaubagaimanapun sistem ini juga turut menggunakan konsep Rapid Application Development (RAD) kerana tempoh pelaksanaan projek pembangunan sistem ini sangat pantas dan menggunakan metadologi hybrid diantara SDLC dan RAD bagi penghasilan sistem.

Sistem ini merupakan idea asal daripada unit kajian sosial di ISN yang telah memohon kepada cawangan teknologi maklumat ISN dalam membantu menyediakan satu sistem yang dapat membantu mereka membuat kajian sosial dalam mengenalpasti tahap kesihatan dan kecerdasan sosial melalui aktiviti berjalan kaki dan pengamalan gaya hidup sihat masyarakat sebagai sebuah projek perintis yang akan dilaksanakan diperingkat agensi (ISN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan menggunakan subjek kajian seramai 120 orang peserta sebagai permulaan yang terdiri daripada pelbagai kategori jantina, had umur dan juga peringkat jawatan atau bidang tugas.

Sistem ini direkabentuk sebagai sebuah portal yang dapat digunapakai untuk melapor aktiviti gaya hidup sihat yang dilaksanakan oleh peserta kajian disamping jumlah bilangan langkah yang dihasilkan daripada aktiviti berjalan kaki

berbantuan alat "pedometer" yang dibekalkan kepada setiap peserta untuk mengetahui jumlah langkah yang telah dihasilkan sehari. Selain itu sistem ini juga merekodkan maklumat kesihatan individu seperti berat, tinggi, BMI, tekanan darah, denyutan nadi dan juga ukur lilit pinggang bagi tujuan menambahbaikan keberkesanan skop kajian untuk tujuan analisis. Kelebihan sistem portal ini ialah ianya dilengkapi ciri-ciri keselamatan berdasarkan paras akses pengguna dan juga penghadan modul mengikut kebenaran akses pengguna. Selain itu, sistem ini juga bersifat "multi-platform enable" kerana boleh diakses menggunakan sebarang peralatan dan peranti pintar seperti PC, laptop, tablet dan juga telefon pintar yang mampu menyokong teknologi web HTML5. Ini membolehkan peserta kajian merekod dan melaporkan aktiviti harian dimana dan pada bila-bila masa sahaja dan seterusnya meningkatkan keberkesanan kajian dari segi komitmen penglibatan peserta kajian.

Kelebihan dan keunikan sistem ini bukan hanya setakat merekod dan menjadi diari peribadi untuk peserta melaporkan aktiviti harian, bahkan merupakan medium untuk memotivasikan peserta dari segi meggiatkan lebih usaha dalam mendapatkan tahap kesihatan dan kecerdasan optimum melalui aktiviti berjalan kaki kerana setiap komitmen yang ditunjukkan daripada laporan yang dibuat akan mendapat hadiah atau "reward" dalam bentuk lencana atau "badges" yang menjadikan peserta tersebut merupakan peserta yang ulung berbanding peserta lain. Disamping itu, jumlah langkah yang dikumpul berdasarkan aktiviti berjalan kaki akan dipindah nilai kepada bentuk jarak dimana kajian ini menggalakkan peserta berjalan kaki sekurang-kurangnya 7600 langkah sehari dimana setiap 1250 langkah adalah bersamaan dengan satu kilometer. Selain itu, kiraan jumlah pembakaran kalori dapat dikenalpasti hasil daripada kajian ini kerana jarak berjalan sejauh lebih kurang tiga kilometer selama setengah jam dapat membakar kalori sebanyak 200 kalori. Kaedah ini dapat membantu mewujudkan impak motivasi kepada individu kerana dengan hanya berjalan kaki, peserta dapat membantu meningkatkan tahap kesihatan diri dan mengurangkan berat badan tanpa perlu melakukan aktiviti fizikal yang serius dan berimpak tinggi. Maklumat kesihatan yang dapat dihasilkan oleh sistem kepada peserta hasil pelaporan dan data yang dimasukkan ke dalam sistem dapat membantu memberi kesedaran kesihatan dan kepekaan terhadap kepentingan berjalan kaki kepada peserta kajian dan sentiasa terus melapor untuk mengenalpasti status kesihatan dari semasa ke semasa.

#### 7. Kualiti / Pengiktirafan (maksimum 350 patah perkataan)

- # Piawaian kebangsaan atau antarabangsa yang digunakan
- # Metodologi projek/sistem/inisiatif
- # Keberkesanan kos
- # Peningkatan produktiviti dan keberkesanan
- # Kepakaran kakitangan
- # Keberkesanan projek/sistem/inisiatif
- # Tahap bantuan dan sokongan projek/sistem/inisiatif
- # Kejayaan pelaksanaan
- # Pengiktirafan oleh pelanggan / pengguna
- # Diakui oleh pakar bidang yang berkaitan projek/sistem/inisiatif
- # Pengiktirafan komuniti atau media
- # Pengiktirafan atau pencapaian dalam industri dan Kerajaan
- # Pencapaian pengiktirafan antarabangsa
- # Hasil yang boleh diukur – mencapai sasaran
- # Perkongsian pasaran
- # Beridentitikan Malaysia

Sebagai sistem yang dibangunkan untuk kegunaan kerajaan, pembangunan Sistem ini perlu mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh MAMPU melalui penggunaan Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) dimana segala jenis maklumat dan input harus mematuhi syarat tersebut. Disamping itu juga, pembangunan sistem haruslah mematuhi metodologi SDLC dan RAD yang sering digunapakai

dalam pembangunan sistem mana-mana agensi kerajaan.

Pembangunan sistem ini tidak melibatkan sebarang kos pembangunan mahupun operasi memandangkan sistem ini dibangunkan secara "in-house" dengan menggunakan kepakaran tempatan dan merupakan kakitangan Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) di ISN sendiri dengan menggunakan teknologi sumber terbuka dan Web Server serta Database Server yang dihoskan sendiri di Pusat Data ISN.

Sistem ini merupakan sistem yang dapat meningkatkan produktiviti dan meningkatkan kecekapan kaedah melaporkan aktiviti dan pemantauan aktiviti peserta kajian. Iniatif ini wujud apabila terdapat permohonan untuk mendapatkan penyelesaian secara saintifik dan sistematik untuk mendapatkan hasil analisis data dan keputusan kajian dengan cara cepat serta kaedah penyampaian kepada peserta dan pemantau kajian dengan cara lebih efisien dan efektif.

Sistem ini telah diuji keberkesanan dan kesesuaian untuk menjadi sistem pelapor kepada projek berjalan kaki yang dianjurkan oleh unit kajian sosial ISN bersama KBS bagi tujuan projek perintis dalam mengenalpasti tahap kecerdasan dan kesihatan kakitangan KBS ke arah gaya hidup sihat dengan kaedah berjalan kaki. Seramai 120 subjek telah dipilih dari semua peringkat umur dan bidang tugas dan setiap seorang dibekalkan dengan alat "pedometer" untuk memantau jumlah langkah yang dilakukan seharian. Setiap peserta diberi akses laluan ke sistem ini untuk melaporkan jumlah langkah yang telah dilakukan pada setiap 24 jam dan juga aktiviti-aktiviti sampingan yang dilakukan sepanjang hari yang menjurus kepada aktiviti sihat dan riadah. Peserta boleh mengakses ke sistem melalui PC, laptop atau peranti pintar yang mempunyai sambungan ke internet untuk melaporkan aktiviti harian. Aktiviti ini berlangsung selama sebulan dimana pada setiap minggu peserta akan dipantau dan dinilai dari segi prestasi dan aktiviti berjalan kaki serta aktiviti sosial yang dilaporkan. Pemantauan dilakukan melalui mengenalpasti kategori dan keaktifan peserta dimana peserta yang mencapai tahap yang diharapkan iaitu 7600 langkah sehari dan tahap pencapaian akan dipertingkatkan sebanyak 30 peratus pada hari berikutnya. Sekiranya peserta berjaya mencapai tahap yang dicadangkan tersebut, peserta akan diberi "reward" berbentuk "badge" dan akan diberi ranking berdasarkan jumlah peserta. Sekiranya peserta gagal mencapai tahap cadangan, peserta akan dimotivasi untuk meningkatkan kadar langkah harian menerusi aktiviti-aktiviti yang bersesuaian supaya boleh mencapai tahap cadangan dengan lebih cepat dan efektif. Berdasarkan projek ini, peserta yang berjaya mencapai tahap yang memberangsangkan pada setiap minggu dan bulanan akan ditawarkan hadiah sebagai tanda kejayaan pencapaian penglibatan dalam projek perintis kajian ini. Selain daripada jumlah langkah yang dikenalpasti tersebut, unit kajian sosial ISN dapat membuat analisa data dan kajian sosial dari segi tahap kecerdasan dan kesihatan peserta dimana rekod kesihatan seperti perubahan berat, tinggi, ukur lilit pinggang, kadar denyutan nadi dan tekanan darah digunakan sebagai maklumat ukuran yang digunakan untuk membuat kajian lanjut tahap kesihatan peserta disamping maklumat umur dan bidang tugas peserta. Hasil maklumat kajian ini berupaya diperluaskan bagi mengkaji lebih lanjut keberkesanan gaya hidup sihat masyarakat melalui aktiviti berjalan kaki yang mudah tanpa melibatkan aktiviti fizikal yang berimpak tinggi. Selain pengukuran maklumat kesihatan dan peningkatan kadar metabolisme melalui aktiviti sihat, Sistem ini dapat memotivasikan peserta dengan menunjukkan jumlah jarak yang telah dilalui peserta sepanjang berlangsungnya program menerusi jumlah langkah yang telah

dihasilkan. Sebagai contoh, jumlah jarak sebanyak 150 km mungkin dapat menunjukkan perjalanan dari Kuala Lumpur ke Melaka yang mana setiap 10km dihasilkan daripada 12,500 langkah dan maklumat tempat-tempat bersejarah dan menarik mengenai Melaka akan dipaparkan untuk pengetahuan peserta. Disamping itu juga, jumlah langkah tersebut mungkin telah menyebabkan pembakaran kalori sebanyak 700 kalori bagi 10km. Ini secara tidak langsung menjadikan usaha meningkatkan tahap kesihatan dan program menguruskan badan lebih menarik disamping mengurangkan ukur lilit pinggang hasil dari program berjalan kaki.

Program Berjalan Kaki ini sangat disyorkan kepada masyarakat umum untuk meningkatkan gaya hidup sihat dan meningkatkan tahap kesihatan dan kecerdasan. Penggunaan sistem yang telah terbukti berkesan hasil dari projek perintis ini dapat menjadi alat atau kaedah yang berkesan untuk memantau dan melaporkan aktiviti sosial dan jumlah berjalan kaki bagi menyokong usaha ke arah kesejahteraan masyarakat melalui gaya hidup sihat yang lebih produktif dan efektif.

Hasil kajian dan analisis data sistem ini dapat dikembangkan dan digunapakai untuk penghasilan kajian sosial yang lebih intensif dan produktif melalui penghasilan bahan-bahan kajian penerbitan serta journal-journal penyelidikan untuk kajian di dalam dan di luar negara seterusnya bagi mendapatkan pengiktirafan dunia terhadap keberkesanan aktiviti berjalan kaki dalam menyokong usaha meningkatkan gaya hidup sihat dan kesejahteraan sosial.

#### 8. Potensi (maksimum 350 patah perkataan)

- # Potensi projek untuk dieksploitasi, menghasilkan peluang pekerjaan atau meningkatkan ekonomi
- # Pelaksanaan yang lebih luas
- # Faedah kepada industri lain pada masa hadapan
- # Strategi pembangunan dan menerajui persaingan
- # Bidang-bidang yang dikenalpasti untuk peluasan/penambahbaikan

Sistem ini buat masa ini telah digunapakai di ISN dan di KBS untuk tujuan kajian sosial dengan menggunakan subjek kajian yang minimal, walaubagaimana pun penggunaan sistem ini dapat diperluaskan ke peringkat yang lebih luas dengan menjadikannya sebagai suatu alat pengukur atau alat kajian sosial untuk kelompok masyarakat yang lebih besar bagi mengkaji untuk kesejahteraan umum terutama dari aspek sains sosial dan kemasyarakatan. Sistem ini dapat membantu dalam mendapatkan maklumat tentang kesihatan dan kecerdasan umum dengan kelompok subjek yang lebih besar dan lebih luas serta mendapatkan maklumat yang lebih intensif dan efektif. Hasil analisis data yang cepat dan efisien berdasarkan pengumpulan data yang efektif ini dapat membantu menghasilkan keputusan yang lebih tepat dan mengurangkan kesilapan dan ralat dalam menjalankan kajian sosial menerusi soal selidik yang pada kebiasaannya mengambil masa yang lama serta kos yang tinggi terutama dari segi tenaga kerja yang diperlukan dalam menjalankan kajian soal selidik. Kepentingan sistem ini dalam proses pengumpulan data dan analisis sosial sangat diperlukan dalam meningkatkan kecekapan proses menjalankan soal selidik terutama dari aspek kesihatan dan kecerdasan sosial.

Dari aspek industri, hasil kajian dan soal selidik ini dapat dikomersilkan untuk penghasilan produk-produk kesihatan berasaskan gaya hidup sihat berdasarkan maklumat-maklumat yang dikumpul dari laporan dan maklum balas peserta projek kajian ini. Disamping itu juga, aspek promosi dan hebahan perkongsian maklumat

menerusi sistem ini dapat meningkatkan jalinan dan hubungan sosial menerusi kaedah motivasi dan kewujudan komuniti sosial yang saling berinteraksi dalam mewujudkan suatu jaringan masyarakat yang terlibat secara sihat menerusi aktiviti dan amalan aktiviti fizikal ke arah gaya hidup sihat.

Jika di pandang dari aspek persaingan, sistem ini dijangka mampu untuk menjadi kompetitif dan diperluaskan fungsi dan objektif penggunaannya diperluaskan supaya bukan sahaja dapat menjadi alat pelapor atau pengumpulan data aktiviti sosial dan mengukur tahap kesihatan individu malah ianya mampu dipertingkatkan kepada suatu alat yang dapat digunakan untuk mengembangkan aktiviti sosial dari segi perspektif psikologi dan motivasi serta medium untuk promosi produk secara komersil bagi penambahbaikan ke arah gaya hidup sihat menerusi penawaran produk-produk berasaskan kesihatan dan kesejahteraan sosial.

9. Kandungan Tempatan (maksimum 350 patah perkataan)

# Dibangunkan sepenuhnya di Malaysia atau

# Dibangunkan sebahagian di Malaysia (nyatakan peratusan pembangunan di Malaysia)

# Sekiranya pembangunan sebahagian di Malaysia, nyatakan modul yang dibangunkan di Malaysia

# Sumbangan dan/atau penyelidikan yang dijalankan di Malaysia

# Tambah nilai di Malaysia

Projek ini dibangunkan sepenuhnya secara "in-house" di Malaysia oleh unit pembangunan sistem dan portal, cawangan teknologi maklumat, bahagian pengurusan, Institut Sukan Negara (ISN) dan dibantu oleh unit kajian sosial ISN berdasarkan keperluan atas sistem yang dapat membantu dan memudahcara untuk menjalankan kajian sosial kepada masyarakat dalam kaedah pengumpulan dan analisis data berkenaan tahap kesihatan dan kecergasan umum untuk mencapai gaya hidup sihat menerusi aktiviti berjalan kaki. Selain itu, sistem ini juga digunapakai untuk mengenalpasti aktiviti sosial harian yang dijalani peserta program dimana kajian ini dapat mengenalpasti masa, tempat, dengan siapa dan kekerapan melakukan aktiviti sosial yang dijangkakan penting dalam mengkaji tahap kecergasan umum dalam kegiatan harian.

Hasil maklumat yang dikumpulkan melalui sistem dan analisis yang dapat dijalankan ke atas data tersebut diperlukan untuk mengenalpasti tahap komitmen peserta dalam mencapai gaya hidup sihat melalui aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dan kesan yang dapat diperolehi sepanjang proses kajian serta impak yang dapat dihasilkan selepas kajian disempurnakan. Hasil kajian ini yang merupakan analisa data dan keputusan yang diperolehi penting dalam membantu penyelidikan dalam kesedaran sosial dan kajian sosial tempatan dimana maklumat yang diperolehi dapat menghasilkan pelbagai keputusan berkaitan kesejahteraan sosial dan kemasyarakatan terutama yang melibatkan aspek mengenalpasti kaedah efektif dalam meningkatkan tahap kesihatan dan kecerdasan mental dan fizikal yang dapat menyumbang ke arah mencapai gaya hidup sihat.

Pembangunan sistem ini melibatkan sistem yang dibangunkan seratus peratus oleh tenaga tempatan iaitu PTM ISN sendiri dibantu oleh kakitangan unit kajian sosial ISN dalam membekalkan input dari segi kajian keperluan sistem dan pengguna. Walaubagaimanapun, sistem ini memerlukan peranti khusus dalam mendapatkan input dari segi jumlah langkah yang dilaksanakan menggunakan "pedometer" yang menggunapakai produk komersil seperti OMRON HJ103 bagi mendapatkan bacaan jumlah langkah. Namun demikian, produk tersebut mungkin dapat dibangunkan sendiri secara tempatan sekiranya kajian lanjut tentang produk tersebut dan wujud keperluan secara komersil untuk produk tersebut dibangunkan



secara besar-besaran di Malaysia. Walaubagaimanapun, bagi pengguna telefon pintar, perkara ini tidak menjadi masalah kerana fungsi tersebut telah terbina dalam dan dapat digunapakai untuk faedah kajian ini dan seterusnya tidak perlu menggunakan peranti tambahan untuk tujuan ini. Maklumat daripada bacaan "pedometer" ini diperlukan untuk mengenalpasti bacaan langkah namun bagi aspek kajian sosial, peserta hanya perlu melaporkan aktiviti harian berdasarkan kategori yang telah dicadangkan dan mengenalpasti kekerapan menjalankan aktiviti tersebut bersama siapa, dimana dan bila aktiviti tersebut dilakukan.

Menyedari hakikat dan kepentingan projek ini dilaksanakan bagi tujuan penyelidikan dan pengumpulan maklumat untuk mengenalpasti masalah berkaitan kesejahteraan masyarakat umum, sistem ini dijangka dapat membantu dan mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam melaksanakan kajian yang melibatkan aspek sosial dan gaya hidup sihat. Sistem ini dijangka dapat membekalkan maklumat yang diperlukan dan menyediakan analisis data yang dengan cepat dan efektif tanpa mengambil masa yang lama untuk mendapatkan keputusan hasil daripada proses pengumpulan data dan kaedah soal selidik. Sistem ini dijangka memberi faedah dan tambah nilai dalam kajian sosial di Malaysia kerana ia dapat memberi maklumat yang khusus dan terperinci berkenaan tahap kesihatan dan kecerdasan masyarakat terutama dalam penglibatan masyarakat terhadap aktiviti gaya hidup sihat dan kesihatan sosial terutama dalam melaksanakan aktiviti berjalan kaki yang berisiko rendah.